

Buletin **JAWHAR**

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji



• PRAGMATIK • RESPONSIF • OBJEKTIF

Bil. 1/2008

ISSN 1985-2029

Pelancaran Yayasan Waqaf Malaysia



MAJLIS SERAH TUGAS YB MENTERI

Menarik Di Dalam

- Hikmah Dan Manfaat Zakat
- Pengabdian Diri Kepada Allah Di Tanah Suci
- Fidyah: Memupuk Semangat Mencintai Puasa
- Berwakaf: Menzahirkan Pengabdian Diri Kepada Allah S.W.T.

Buletin

JAWHAR

Sidang Editor

Penasihat:

Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh

Ketua Editor:

En. Abd. Ghafar bin Yusof

Editor:

En. Mohd Gunawan bin Che Ab. Aziz

En. Hasan Hafizi bin Hanapi

Cik Arifah binti Mohd Zahudi

Grafik:

Misas Advertising Sdn. Bhd.

Jurutaiip:

Cik Dahlia binti Ishak

Pn. Rohaizah binti Mohd Rojulan

Cik Nurulaini binti Rustam

Jurufoto:

En. Abdul Khalid Azamir bin Abdul Halim

En. Abdul Aziz bin Ahmad

Hakcipta Terpelihara

© JAWHAR 2008

PENAFIAN :

JAWHAR tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang penulisan dan artikel yang disiarkan dan ia juga tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pendirian Jabatan.



Kata-Kata Aluan Ketua Editor

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya Buletin JAWHAR Bil. 1/2008 dapat diterbitkan mengikut jadual. Sukacita saya merakamkan setinggi penghargaan kepada semuapihakyang terlibat berkongsi idea untuk menerbitkan buletin ini yang menjadi salah satu bahan bacaan ringan dan sumber informatif ringkas berkenaan aktiviti JAWHAR.

Hasil dari keputusan pilihanraya umum pada 8 Mac 2008, Malaysia kini mempunyai barisan anggota kerajaan baru di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi. Justeru itu, corak pentadbiran negara dijangka akan berubah mengikut arus semasa atas keperluan dan pengharapan rakyat yang semakin meningkat. Oleh itu, sistem tadbir urus terbaik perlu diamalkan dan dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Kerajaan Malaysia sebenarnya telah lama menerapkan prinsip-prinsip tadbir urus yang baik dalam pentadbiran agensi-agensinya. Tadbir urus mengandungi mekanisme, proses dan institusi dalam manajemen masyarakat dan organisasi menyuarakan kepentingan masing-masing dalam melaksanakan hak dan tanggungjawab mereka ke arah menyelesaikan dan mengimbangi apa-apa perbezaan antara mereka.

Proses tadbir urus seharusnya diamalkan secara baik untuk memastikan anggota masyarakat menikmati kualiti hidup yang diharapkan. Maka wujud istilah tadbir urus yang baik atau good governance. Ciri-ciri tadbir urus yang baik melibatkan semua pihak atau sektor, bermusyawarah untuk mencapai persetujuan bersama, akauntabiliti, telus, responsif, cekap dan berkesan, adil dan saksama, serta menjunjung kedaulatan undang-undang.

Konsep tadbir urus secara menyeluruhan termaktub dalam Perlembagaan Malaysia, Rukun Negara dan prinsip-prinsip Islam Hadhari. Perlembagaan Malaysia adalah merupakan undang-undang tertinggi negara dan tunggak bagi tadbir urus yang terbaik. Rukun Negara turut menekankan tadbir urus yang terbaik dan kepentingan rakyat menerusi keluhuran Perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan kesopanan dan kesusailaan. Sepuluh prinsip Islam Hadhari juga menitikberatkan tuntutan tadbir urus yang terbaik menerusi prinsip Kerajaan yang adil dan beramanah, pembangunan ekonomi yang seimbang dan komprehensif, kehidupan berkualiti untuk semua rakyat, keutuhan budaya dan moral, serta memelihara alam semulajadi.

Y.Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara sendiri memberikan penekanan kepada perlunya semua agensi kerajaan supaya memberi ruang kepada pihak luar kerajaan bersama terlibat demi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan dalam usaha meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Dalam konteks ini, sesebuah agensi amat memerlukan pemimpin yang kolaboratif iaitu yang berkemampuan untuk menggembungkan pihak lain ke arah berkongsi faedah dan kepentingan bersama.

Akhir kata, semoga Allah S.W.T. sentiasa memberikan kita idea serta kekuatan untuk terus menuaikan tanggungjawab urus tadbir yang terbaik. Kepercayaan yang telah diberikan oleh rakyat kepada kerajaan perlu diambil sebagai satu amanah oleh kita sebagai pegawai dan kakitangan kerajaan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

والسلام

Abd. Ghafar bin Yusof
Timbalan Ketua Pengarah
JAWHAR



Kata-Kata Aluan Ketua Pengarah JAWHAR

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T pemilik sekalian alam. Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinan dan limpah kurnia-Nya buletin ini dapat diteruskan untuk memaparkan berita yang bermanfaat kepada umat Islam, khususnya kakitangan JAWHAR.

Pertama sekali, saya mewakili warga JAWHAR ingin mengucapkan tahniah kepada YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi di atas pelantikan beliau sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan YB Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan penghargaan kepada YB Dato' Dr. Abdullah bin Md Zin, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan panduan untuk penambahbaikan kepada JAWHAR sepanjang beliau menjalankan tugas sebagai Menteri.

Dengan pembentukan kabinet baru, Malaysia mengalami satu bentuk pembaharuan kepimpinan di bawah YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi. Sesungguhnya, pemimpin memainkan peranan utama dalam pengurusan organisasi untuk mencapai matlamat dalamerti katasebenarnya. Kepimpinan merupakan unsur dalaman dan kerohanian yang merupakan faktor utama bagi menggerakkan faktor-faktor lain ke arah pencapaian matlamat kecemerlangan organisasi. Kepimpinan dalam konteks masa kini menuntut kebijaksanaan serta keupayaan yang dinamik bagi mengemudi sesebuah organisasi ke arah yang lebih proaktif dan efektif.

Selain itu, kepimpinan juga haruslah berlandaskan kepada konsep Islam. Rasulullah S.A.W. sesungguhnya pemimpin agung pilihan Allah S.W.T. Ketokohan Baginda dalam bidang kepimpinan begitu terserlah dalam segenap sudut dan peringkat. Baginda merupakan pemimpin kendiri yang berkesan serta pemimpin masyarakat dan negara yang cukup berwibawa. Baginda pemimpin contohan yang sempurna dengan sifat-sifat kenabian seperti Siddiq,

Amanah, Tabligh dan Fatanah dan ianya wajib dipegang dan dimiliki oleh setiap kita sebagai Umat Islam. Wajar amat kiranya kepimpinan Baginda itu ditelaah, ditekuni dan diiktibari untuk menerangi kehidupan. Mudah-mudahan kita akan menjadi umatnya yang berjaya di dunia dan di akhirat.

Untuk mencapai matlamat kecemerlangan sesebuah organisasi seorang pemimpin perlu mempunyai etika terpuji yang berupaya merumus, memperjelas dan menghayati budaya kerja cemerlang di dalam organisasi. Selain itu juga, pemimpin perlu peka bagi menjadit teladan yang baik dan memperkuuhkan amalan serta budaya kerja cemerlang supaya dapat membawa organisasinya ke arah mencapai matlamat kecemerlangan yang diimpikan.

Akhir kata, kecemerlangan sesebuah organisasi bergantung kepada pemimpin yang berjaya menyelia, memberi teladan yang berkualiti dan menerapkan nilai-nilai murni di dalam organisasinya. Sekiranya keempat-empat sifat Baginda dihayati dan dilaksanakan dalam kehidupan sehari-hari kita, maka saya percaya kita sebagai umat Islam akan berjaya mencapai kecemerlangan dalam semua bidang kehidupan seperti yang dicitacitakan. Nilai-nilai murni yang Kerajaan terapkan dalam pentadbiran negara pada masa lalu sehingga kini adalah berdasarkan kepada nilai-nilai yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W., junjungan kita semua.

و السلام

Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh
Ketua Pengarah
JAWHAR

Hikmah Dan Manfaat Zakat

Oleh: Ruslan bin Said

Zakat adalah ibadah yang wujud dalam bidang harta yang mengandungi hikmah dan manfaat yang sangat besar dan mulia, sama ada ianya mempunyai kaitan dengan orang yang berzakat (muzakki), penerima zakat (mustahik), harta yang dikeluarkan zakat, maupun bagi masyarakat keseluruhannya.

Terdapat beberapa hikmah dan manfaat daripada menunaikan ibadah zakat seperti di bawah:

Pertama, adalah sebagai perwujudan keimanan kepada Allah S.W.T, mensyukuri nikmat-Nya, menumbuhkan akhlak mulia dengan rasa kemanusiaan yang tinggi, menghilangkan sifat kikir, rakus dan materialistik, menumbuhkan ketenangan hidup, sekaligus membersihkan dan mengembangkan harta yang dimiliki.

Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah, supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk), dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah S.W.T amat mendengar lagi amat mengetahui".

(At-Taubah: 103)

Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

"Dan (ingatlah) tatkala Tuhan kamu memberitahu, demi sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya aku akan tambah nikmatku kepada kamu, dan demi sesungguhnya jika kamu kufur engkar, sesungguhnya azab-Ku amatlah berat".

(Ibrahim: 7)

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa dengan bersyukur, harta dan nikmat yang dimiliki akan semakin bertambah dan berkembang.

Kedua, kerana zakat merupakan hak mustahik (penerima zakat), maka zakat berfungsi untuk menolong dan membantu mereka terutamanya fakir miskin, ke arah kehidupan yang lebih baik dan lebih sejahtera, sehingga mereka dapat memenuhi keperluan hidup, serta dapat beribadat kepada Allah S.W.T dan menghindarkan mereka daripada bahaya kekuatan, sekaligus menghilangkan sifat iri hati, hasad dan dengki yang mungkin timbul dari kalangan mereka kepada orang kaya yang memiliki harta yang banyak.

Sesungguhnya zakat bukanlah hanya sekadar memenuhi keperluan para mustahik (penerima zakat), akan tetapi memberikan kecukupan dan kesejahteraan kepada mereka, dengan cara menghilangkan ataupun memperkecil penyebab kehidupan mereka menjadi miskin dan menderita.

Kebakhilan dan keenggan berzakat, akan menimbulkan sifat hasad dan dengki dari orang-orang yang miskin lagi menderita, juga akan mengundang azab Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

"laitu orang-orang yang bakhil dan menyuruh manusia supaya bakhil serta menyembunyikan apa-apa jua yang Allah S.W.T berikan kepada mereka dari limpah kurniannya. Dan (sebenarnya) Kami telah sediakan bagi orang-orang kafir itu azab siksa yang amat menghina".

(An-Nisaa': 37)

Maksud kafir dalam ayat di atas ialah kafir terhadap nikmat Allah S.W.T kerana bakhil dan juga menyuruh orang lain berbuat bakhil. Manakala maksud menyembunyikan kurnia Allah S.W.T adalah bererti tidak mensyukuri nikmat Allah S.W.T.

Ketiga, sebagai rukun amal bersama (jama'i) antara orang-orang kaya yang berkecukupan hidupnya dan para mujahid yang seluruh waktunya digunakan untuk berjihad di jalan Allah S.W.T. Oleh kerana kesibukan tersebut, mereka tidak memiliki waktu dan kesempatan untuk berusaha dan berikhtiar bagi kepentingan nafkah diri dan keluarga.

Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

"(Pemberian sedekah itu) ialah bagi orang-orang fakir miskin yang telah menentukan dirinya (dengan menjalankan khidmat atau berjuang) pada jalan Allah S.W.T (membela Islam) yang tidak berupaya membawa di muka bumi (untuk bermula dan sebagainya). Mereka itu disangka kaya oleh orang yang tidak mengetahui halnya kerana mereka menahan diri daripada meminta-minta. Engkau kenal mereka dengan (melihat) sifat-sifat dan keadaan masing-masing. Mereka tidak meminta kepada orang ramai dengan mendesak-desak. Dan (ketahuilah) apa jua yang kamu belanjakan dari harta yang halal. Maka sesungguhnya Allah S.W.T sentiasa mengetahui".

(Al-Baqarah: 273)

Sebagai rukun amal bersama, zakat juga merupakan salah satu bentuk yang wujud dari jaminan sosial yang disyariatkan oleh ajaran Islam. Melalui syariat zakat, kehidupan orang-orang fakir, miskin dan orang-orang yang menderita lainnya, akan diberi perhatian dengan baik. Zakat merupakan salah satu bentuk perintah Allah S.W.T. untuk senantiasa melakukan tolongan dalam kebaikan dan takwa, sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

"Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebaikan dan takwa".

(Al-Maa'idah: 2)



Yayasan Waqaf Malaysia telah dilancarkan pada 14 Februari 2008 oleh YB Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada ketika itu yang bertujuan untuk membantu mengurus, menyelaras dan menggembangkan sumber-sumber wakaf untuk dijadikan sumber modal ekonomi berpotensi tinggi bagi dimanfaatkan umat Islam di Malaysia.

Dalam pelancaran YWM juga diadakan Upacara menandatangi surat akuan sumpah oleh Lembaga Pemegang Amanah yang dianggotai 21 orang tokoh terkemuka daripada pelbagai latar belakang yang dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Ketua Pengarah JAWHAR, Y.Bhg. Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh berhasrat agar matlamat penubuhan yayasan dapat di realisasikan dengan baik dan jayanya terutama dalam bidang penyelidikan dan penghasilan konsep wakaf baru yang praktikal dan boleh menggalakkan penyertaan umat Islam untuk berwakaf.

PELANCARAN YAYASAN WAQAF MALAYSIA,

14 FEBRUARI 2008



MAJLIS PELANCARAN YAYASAN WAQAF MALAYSIA

DIRASMIKAN OLEH:
YB DATO' DR. ABDULLAH BIN MD ZIN
MENTERI DI JABATAN PERDAWA MENTERI
14 FEBRUARI 2008 (1429H)



PENGABDIAN DIRI KEPADA ALLAH DI TANAH SUCI

Oleh: Sabarudin bin Hasan

Perjalanan mengerjakan haji atau umrah ke Tanah Suci tidak sama dengan perjalanan ke mana-mana destinasi di dunia ini. Sebaik saja kaki kita mula melangkah keluar daripada rumah untuk ke Tanah Suci, beriringan dengan doa dan air mata keluarga serta sanak saudara, lidah mula memuji-Nya sambil hati merintih memohon keampunan, pertolongan dan kasih sayang daripada-Nya. Itulah tanda hati atau rohani kita mula mengembara menuju kepada Allah S.W.T.

Haji merupakan ibadat fardhu yang diwajibkan, tetapi kewajipan haji agak berlainan dengan ibadat-ibadat yang lain dari segi konsep dan kefardhuannya, di mana ibadat haji hanya diwajibkan ke atas umat Islam yang berkemampuan mengunjungi Baitullahil Haram di Makkah.

SEJARAH MAKKAH AL-MUKARRAMAH

Untuk memahami kefardhuhan ibadah haji ini ada baiknya disingkap sejarah Makkah itu sendiri. Makkah al-Mukarramah merupakan satu daripada tiga kota suci umat Islam iaitu Makkah al-Mukarramah, Madinah, al-Munawwarah dan Baitul Maqdis di Palestin. Setiap tahun jutaan umat Islam datang ke Makkah al-Mukarramah sama ada sebagai jemaah haji ataupun untuk menunaikan ibadah umrah.

PENGERTIAN HAJI DAN UMRAH

Berdasarkan pendapat yang lebih tepat, ibadat haji difardhukan pada tahun kesembilan hijrah. Haji adalah perjalanan rabbani yang unik berbanding semua jenis perjalanan yang dilakukan oleh manusia. Ia membawa tubuh badan dan hati seorang mukmin menuju ke Tanah Suci untuk bervukuf di Batullah Al-Haram yang menjadi lambang pentauhidan Allah S.W.T. dan kesatuan umat Islam. Sebagaimana yang ditakrifkan oleh ulama' bahawa dari segi bahasa, haji bererti pergi menuju tempat yang diagungkan. Dari segi istilahnya pula ialah mengunjungi Baitullah Al-Haram dalam bulan-bulan haji kerana mengerjakan tawaf, sa'e dan wukuf di Arafah dengan menurut syarat-syaratnya serta menunaikan segala yang wajib.

Umrah menurut bermakna ziarah, manakala dari segi istilah syarak, umrah bererti menziarahi Kaabah, mengerjakan tawaf di sekelilingnya, bersai'e antara Safa, Marwah dan bercukur atau menggunting dengan menurut syarat-syaratnya serta menunaikan segala yang wajib. Sesungguhnya pengembalaan mengerjakan haji bukanlah satu perjalanan selesa dengan harapan segala kemudahan sudah disediakan untuk kita. Ia sebenarnya adalah perjalanan yang menuntut pengorbanan dan menagih keringat kembara seorang hamba menuju kepada Tuhanya.

Mengembara ke Tanah Suci mestilah dimulai dengan niat ikhlas dan hati yang suci. Hati yang suci adaah hati yang bersalut dengan iman dan takwa serta dihiasi dengan segala sifat mulia (mahmudah) dan diantaranya adalah tenang, sabar, bertolak ansur, merendah diri, murah hati, baik sangka, syukur, reda dan tawakal.

Setiap sesuatu perkara terutamanya ibadat, mempunyai tahap-tahap tertentu yang perlu untuk diberi penilaian. Begitu juga dengan ibadat haji. Justeru itu, terdapat empat tahap ibadah haji seseorang itu dinilai.

- a) Haji Mardud
Haji Mardud ialah haji yang tidak diterima oleh Allah S.W.T lantaran kerana terdapatnya kekurangan pada syarat-syarat dan rukunnya atau kerana sebab-sebab yang lain. Dengan itu, hajinya tidak diterima atau ditolak oleh Allah S.W.T.
- b) Haji Maqbul
Haji Maqbul ialah haji yang sah dan diterima oleh Allah S.W.T. Mereka yang mengerjakan haji maqbul ini dianggap sebagai telah menunaikan perintah Allah S.W.T dan telah menyempurnakan rukun Islam yang kelima.
- c) Haji Makhsus
Haji Makhsus ialah ibadah haji yang dikerjakan oleh orang-orang yang tertentu yang sempurna segala rukun dan syaratnya, ia bukan sahaja dianggap sah dan diterima oleh Allah S.W.T. malah diampunkan segala dosanya.
- d) Haji Mabrur
Haji Mabrur adalah tingkatan haji yang paling tinggi dan istimewa, dan bukan semua manusia yang mengerjakan haji boleh mendapatkannya. Perlaksanaan dalam menunaikan haji ini bukan sahaja diampunkan segala dosanya, tetapi juga akan dimasukkan ke dalam syurga.

PENGERTIAN HAJI MABRUR

Perkataan "MABRUR" dari segi pengertian bahasa ialah perbuatan yang tidak ada syubahat atau keraguan padanya atau boleh diertikan dengan makna yang diterima. Dari segi istilah pula ialah haji yang diterima dan balasannya yang luar biasa iaitu Syurga, manakala lawan bagi Haji Mabrur ialah Haji Mardud iaitu haji yang ditolak dan tidak diterima.

Persiapan pengembalaan yang penting ini memerlukan persediaan fizikal dan mental. Antara senarai persiapan yang sering dibincangkan dan diperingkatkan oleh para ulama ialah:

- Niat yang ikhlas
- Persiapan ilmu yang cukup dan bertaubat dari segala dosa
- Mendapat keredhaan ibu bapa, keluarga dan guru
- Menyemak semula punca perbelanjaan
- Mendapatkan teman dan rakan yang sesuai

Untuk mencapai tingkatan haji yang mabrur tidaklah semudah yang disangkakan tetapi tidak mustahil untuk mendapatkannya. Terdapat beberapa syarat-syarat tertentu berdasarkan masa-masa tertentu yang perlu dicapai untuk mendapatkan dan mencapai haji mabrur. Ia dibahagikan kepada tiga keadaan masa iaitu sebelum, semasa dan selepas menunaikan ibadat haji.

(a) Sebelum menunaikan haji

Ada beberapa perkara yang seharusnya diperbetulkan sebelum berangkat menunaikan fardhu haji iaitu:

Niat

Niat semata-mata kerana Allah S.W.T, dan tidak dicampur-adukkan dengan perasaan riak dan takbur.

Wang Perbelanjaan

Wang yang digunakan untuk tujuan keperluan bagi menunaikan ibadat haji hendaklah daripada wang yang halal, dan tidak dicampur-adukkan dengan sesuatu yang haram atau yang syubhat.

Kewajipan Yang Sempurna

Cukup syarat yang mewajibkan seseorang itu menunaikan haji tanpa memaksa diri sendiri untuk menunaikan haji sebelum ia berkemampuan untuk sampai kepadanya.

Sifat-sifat Mahmudah

Membina dan memupuk sifat-sifat mahmudah dan terpuji iaitu sifat sabar, syukur, ikhlas dan jujur, redha, rajin, pemurah, mengingati mati, taubat, dan termasuk juga sifat bertimbang rasa, bertanggungjawab, amanah, tolong menolong, menepati janji, penyayang dan berjimat cermat.

(b) Semasa mengerjakan haji

Selepas ihram dipakai, jemaah haji akan melaungkan suara mengucapkan talbiyah. Dengan syiar talbiyah ini manusia menjawab seruan Allah S.W.T. Yang Qadim yang memerintahkan Nabi Ibrahim a.s untuk memanggil manusia mengerjakan ibadat haji.

Semasa mengerjakan Haji juga perlu menjaga beberapa perkara:

- Menyempurnakan Segala Rukun-rukun Haji
- Menyempurnakan Segala Perkara-perkara Wajib Haji
- Membayar Segala Jenis Dam Yang Dikenakan
- Tidak melakukan larangan ketika berihram haji seperti kemaksiatan dan kemungkaran.

Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

"Masa untuk mengerjakan Ibadah Haji itu ialah beberapa bulan termaklum, oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya dengan niat mengerjakan Ibadah Haji itu, maka tidak boleh mencampuri dan tidak boleh bertengkar dalam masa mengerjakan Haji."

(Al-Baqarah: 197)

(c) Selepas menunaikan haji

Orang yang telah menunaikan haji, dianggap telah membersihkan dirinya daripada segala dosa dan kesalahan, maka beberapa perkara perlu diawasi:

- Sentiasa mengekalkan diri dalam keadaan bersih dari sebarang noda dan dosa dengan menjauhi perkara-perkara yang dilarang.
- Memperbanyakkan amal soleh untuk meningkatkan iman dan ketaqwaan.
- Mengikis sifat-sifat mazmumah iaitu sifat-sifat terkeji, tercela atau terhina. Di antara sifat-sifat yang tercela ialah pemarah, takbur, riak, mungkir janji, penipu, pemalas, keji-mengeji, bermegah-megah, bermuka-muka, umpat-mengumpat, pembohong, cerca-mencerca, sompong, kufur nikmat, kedekut, tidak ingat mati, hasad dengki dan khianat.
- Memperbaiki diri ke arah yang lebih sempurna dari segi akhlak dan kelakuan.

Jika diteliti isyarat dan gambaran pelaksanaan ibadat haji, banyak yang boleh difahami mengenai rahsia ibadat berkenaan. Antara perlaksanaan ibadat tersebut ialah ihram. Ihram adalah perlambangan melepaskan diri daripada nafsu dan menguncinya daripada semua perkara kecuali membesarcan Allah S.W.T dan berfikir mengenai keagungan-Nya. Talbiyah pula adalah perakuan terhadap diri melepaskan semua ikatan nafsu dan mengikat diri dengan janji taat dan patuh kepada perintah Allah S.W.T, manakala tawaf membawa maksud pengelilingan hati di sekeliling kesucian dan keagungan Allah S.W.T.

Sementara itu, sai'e yang dilakukan selepas tawaf adalah suatu perjalanan ulang alik antara dua mercu kerahmatan sebagai bukti perlunya kepada keampunan dan keredhaan Allah S.W.T. Wukuf di Arafah pula adalah usaha besar bagi menundukkan hati dan jiwa yang penuh dengan ketakutan, tangan yang diangkat dengan harapan, lidah yang sibuk dengan doa dan pengharapan yang benar terhadap Yang Maha Pengasih.

Lontaran jamrah pula bermaksud suatu perlambangan kebencian dan kehinaan terhadap unsur kejahatan. Ia juga adalah suatu perlambangan yang zahir bagi kuatnya keazaman untuk menyingsirkan kongkongan hawa nafsu yang merosakkan diri dan masyarakat.

HIKMAH HAJI

Di antara hikmah haji ialah:

1. Menjadi tetamu Allah S.W.T. – Kaabah atau Baitullah itu dikatakan juga sebagai 'Rumah Allah S.W.T' kerana mengambil apa yang diucapkan oleh Nabi Ibrahim a.s. orang yang mengerjakan haji adalah merupakan tetamu istimewa Allah S.W.T. Dan sudah menjadi kebiasaan setiap tetamu mendapat layanan yang istimewa dari tuan rumah.
2. Mendapat tarbiah langsung daripada Allah S.W.T – Di kalangan mereka yang pernah mengerjakan haji, mereka mengatakan bahawa ibadah haji adalah kemuncak ujian daripada Allah S.W.T. Ini disebabkan jumlah orang yang sama-sama mengerjakan ibadah tersebut adalah terlalu ramai hingga menjangkau angka jutaan orang.
3. Membersihkan dosa – Mengerjakan ibadah haji merupakan kesempatan untuk bertaubat dan meminta ampun daripada Allah S.W.T. Terdapat beberapa tempat yang merupakan tempat yang mustajab untuk berdoa dan bertaubat.
4. Memperteguhkan Iman – Ibadah haji secara tidak langsung telah menghimpunkan manusia dari seluruh pelusuk dunia. Mereka terdiri dari berbagai bangsa, warna kulit dan bahasa pertuturan.
5. Iktibar daripada peristiwa orang-orang soleh – Tanah suci Makkah merupakan lembah yang menyimpan banyak rentetan peristiwa bersejarah, di antaranya sejarah nabi-nabi dan rasul, para sahabat rasul dan tabi'in.
6. Merasa bayangan Padang Mahsyar – Ramainya umat manusia yang berkeadaan sama yang tiada bezanya.
7. Syiar perpaduan umat Islam – Mempunyai satu tujuan dan matlamat iaitu menunaikan perintah Allah S.W.T. Mereka melakukan perbuatan, memakai pakaian, mengikut tertib yang sama malah boleh dikatakan semuanya sama.

Aktiviti

LAWATAN EN. ZAINOL BIN OTHMAN, TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA, JPM KE JAWHAR, 13 MAC 2008



LAWATAN DOMPET DHUAFA KE JAWHAR, 14 MAC 2008



HARI BERSAMA KETUA PENGARAH, 28 MAC 2008



MAJLIS SERAH TUGAS YB DATO' DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN KEPADA YB DATO' SERI DR AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, 27 MAC 2008



HARI BERSAMA PELANGGAN JAWHAR, 4 APRIL 2008



**PAMERAN PENDIDIKAN SAINS DAN TEKNOLOGI, BALING,
15-18 FEBRUARI 2008**



Fidyah

MEMUPUK SEMANGAT MENCINTAI PUASA

Oleh: Rohainun binti Rasdi

Puasa merupakan satu kewajipan kepada umat Islam dalam usaha mendapat keredaan dan kecintaan daripada Allah S.W.T. Sesungguhnya tiada jalan yang mudah untuk mencapai tahap tertinggi di sisi Yang Maha Esa kecuali dengan hati yang ikhlas lagi suci sepanjang menunaikan ibadah ini. Bagaimanapun, pelepasan tidak berpuasa diberikan kepada beberapa golongan tertentu atas sebab-sebab yang telah disyariatkan. Justeru itu, bagi menyeimbangkan kembali puasa yang ditinggalkan agar umat Islam tidak sewenang-wenangnya meninggalkan puasa, maka denda dikenakan dalam bentuk fidyah.

Fidyah ialah denda yang dikenakan ke atas seseorang yang meninggalkan puasa dengan sebab-sebab tertentu dan ianya merupakan bayaran denda yang dikenakan kepada seseorang yang tidak dapat menggantikan puasanya di bulan Ramadhan untuk sesuatu tahun sehingga tibanya bulan Ramadhan untuk tahun berikutnya. Bentuk denda yang dikenakan ialah memberi makan kepada fakir dan miskin dengan kadar satu cupak makanan asasi untuk setiap satu hari yang ditinggalkan puasanya. Kadar tersebut berubah mengikut harga yang ditetapkan oleh pemerintah di sesuatu tempat dan hendaklah di beri makan kepada fakir dan miskin dan ianya bukanlah berbentuk wang tunai, pakaian dan sebagainya.

Firman Allah S.W.T :

أَيَّمَّا مَعْذُودٍ فَنَ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ
سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخْرَى وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ
فِدْيَةٌ طَعَامٌ مِسْكِينٌ فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ وَمَنْ تَضُمُّوا
خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٤﴾

Maksudnya:

"Iaitu dalam beberapa hari yang tertentu. Maka barangsiapa di antara kamu ada yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. Dan wajib bagi orang-orang yang berat menjalankannya (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah, (iaitu): memberi makan seorang miskin. Barangsiapa yang dengan kerelaan hati mengerjakan kebijakan, maka itulah yang lebih baik baginya. Dan berpuasa lebih baik bagimu jika kamu mengetahui."

(Al-Baqarah: 184)

Rasulullah S.A.W bersabda:

"Barangsiapa yang mati sedangkan dia masih mempunyai puasa Ramadhan yang belum digantikan, hendaklah diberi makan seorang miskin bagi setiap hari yang ditinggalkan bagi pihaknya."

(Riwayat At-Tirmizi)

Fidyah wajib disempurnakan mengikut bilangan hari puasa yang ditinggalkan. Sekiranya fidyah tersebut tidak dapat ditunaikan dan tertangguh, maka kadar fidyahnya akan berganda pada tahun berikutnya. Dengan membayar fidyah tidak bermaksud mereka tidak perlu membayar puasanya kerana puasa tersebut tetap wajib diganti mengikut bilangan hari yang telah ditinggalkannya. Sekiranya bilangan hari tersebut telah melangkau tahun, maka kadar fidyah bagi hari tersebut akan digandakan. Sebab-sebab fidyah dikenakan adalah kerana sebab-sebab tertentu seperti uzur untuk menunaikan puasa wajib. Ianya terdiri daripada golongan yang menghadapi sakit tenat dan tidak mempunyai harapan untuk sembuh, atau golongan tua yang tidak mampu berpuasa, atau kedua-duanya sekali. Kadar fidyah yang dikenakan ialah sehari secupak makanan kepada fakir miskin.

Selain itu, perempuan yang hamil semasa berpuasa juga antara golongan yang dikenakan fidyah dengan syarat dibimbangi akan keselamatan ke atas bayi yang dikandungnya seperti dihuatiri berlakunya keguguran. Golongan ini dikenakan fidyah dan wajib mengqada'kan puasa yang ditinggalkan. Golongan ketiga yang dikenakan fidyah ialah golongan ibu yang menyusukan anak dengan syarat ibunya merasa bimbang akan memudaratakan bayi yang disusunya seperti kurang air susu atau menjelaskan kesihatan bayinya itu. Golongan ini wajib mengqada'kan puasa yang ditinggalkan.

Denda membayar fidyah juga turut dikenakan kepada mereka yang melambatkan qada' puasanya sehingga melangkah ke tahun yang berikutnya. Golongan ini wajib menggantikan puasa yang ditinggalkan. Kadar bayaran fidyah akan berganda mengikut jumlah tahun-tahun yang ditinggalkan. Manakala hutang puasa bagi orang yang telah meninggal dunia hendaklah disempurnakan bayarannya oleh waris-warisnya mengikut bilangan hari yang ditinggalkan.

Kadar taksiran fidyah yang dikenakan adalah seperti kaedah pengiraan di bawah. Namun begitu, kadar ini tertakluk kepada kadar yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

Kadar fidyah x 1 cupak x hari yang ditinggalkan x tahun gandaan = bayaran fidyah.

Contoh:

RM 1.13 x 1 cupak x 3 Hari x 2 Tahun = RM 6.78

Justeru itu, umat Islam wajar diberikan pendedahan berkaitan fidyah lantaran kewajipan menunaikannya semakin hilang ditelan arus pemodenan. JAWHAR selaku penyelaras peringkat persekutuan memandang peri pentingnya kewajipan ini dan akan cuba membantu MAIN dalam usaha membangkitkan kembali kepentingan membayar fidyah di kalangan umat Islam keseluruhannya.

Berwakaf: MENZAHIRKAN PENGABDIAN DIRI KEPADA ALLAH S.W.T

Oleh: Nor binti Badar

badah wakaf sering di sebut-sebut oleh masyarakat, khususnya masyarakat Islam di mana ganjaran pahalanya berkekalan selagi mana harta yang diwakafkan dapat di manfaatkan secara kekal oleh penerimanya mengikut tujuan seseorang untuk mewakafkan sesuatu harta sama ada melalui Wakaf Am atau Wakaf Khas. Jika di teliti secara mendalam, wakaf bermaksud apa-apa harta yang di tahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya.

Wakaf merupakan suatu pemilikan yang tidak sempurna kerana pemilikan ain (benda yang diwakafkan) adalah kerana Allah S.W.T atau ditakdirkan sebagai milik Allah S.W.T. manakala manfaat atau hasil wakaf itu adalah kepunyaan Mauquf Alaih iaitu pihak yang ditentukan menerima manfaat wakaf itu. Wakaf adalah satu cara untuk menginfaqkan harta yang ada, yang dimiliki sepenuhnya dan secara halal, wakaf merupakan langkah bagi merebut pahala yang berlipat ganda di sisi Allah S.W.T.

WARISAN PENINGGALAN MUSLIM

Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

"Apabila telah mati seseorang anak adam, maka terputuslah segala amalannya melainkan tiga perkara; sedekah jariah, atau pun ilmu yang di manfaatkan, atau pun anak yang soleh yang mendoakan untuknya."

(Riwayat Muslim)

Hadis diatas menyatakan bahawa amalan manusia akan berakhir daripada perhitungan Allah S.W.T. setelah seseorang itu meninggal dunia. Walau bagaimanapun, terdapat tiga amalan yang dapat memberikan manfaat dan kebaikan kepada simati walaupun telah meninggal dunia, dimana ganjarannya akan diperolehi dengan izin Allah S.W.T. Perkara-perkara murni tersebut adalah:

- Sedekah jariah semasa hayatnya, seperti mewakafkan sebidang tanah dan menghulurkan bantuan sedekah kepada fakir miskin.
- Ilmu pengetahuan bermanfaat yang di curahkan kepada masyarakat khususnya umat islam dan apabila mereka dapat memanfaatkannya.
- Zuriat atau anak yang soleh lagi beriman akan mendoakan kedua ibu bapanya dalam kesejahteraan, keampunan Allah S.W.T.

KAITAN ANTARA SEDEKAH JARIAH DENGAN IBADAH WAKAF

Berdasarkan hadis diatas, para ulama bersetuju bahawa sedekah jariah adalah merujuk kepada amalan berwakaf. Amalan wakaf memberi keuntungan berlipat kali ganda kepada pewakaf dengan harapan ibadah ini boleh memberi iktibar dan penghayatan kepada pewakaf dan penerima wakaf berkenaan.

Ibadah wakaf ini boleh di bahagikan kepada dua kategori iaitu wakaf khas dan wakaf Am. Wakaf khas bermaksud suatu wakaf yang diwujudkan bagi maksud khairat tertentu mengikut landasan hukum syara' iaitu mewakafkan sebidang tanah atau hasil pewakafan yang dimanfaatkan untuk membina masjid, surau, sekolah, rumah anak yatim, ahli keluarga dan lain-lain yang dikhushuskan oleh pewakaf. Wakaf ini di panggil harta yang tidak alih ganjarannya dan ganjaran pahala yang diterima adalah untuk selama-lamanya selagi mana harta yang diwakafkan kekal sumber fizikalnya. Manfaat harta yang di wakafkan adalah untuk kebajikan dengan niat mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

"Perumpamaan mereka yang menafqahkan harta di jalan Allah adalah seperti sebutir biji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai terdapat seratus biji, Allah S.W.T melipat gandakan (ganjaran) bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Luas (kurniaanya) lagi maha mengetahui."

(Al-Baqarah: 261)

HARTA WAKAF

Harta yang akan di wakafkan hendaklah harta yang baik dan bernilai. sekiranya hendak mewakafkan tanah, bangunan atau harta yang lain hendaklah harta tersebut bermanfat kepada penerima wakaf sebagaimana yang dijelaskan dalam surah Al Imran Allah S.W.T telah berfirman yang bermaksud:

"Kami tidak akan sekali-kali mencapai kebaikan sehingga kamu menafqahkan (membelanjakan) apa (harta) yang kamu sayangi."

(Ali-Imran: 92)

Ayat di atas memberi peringatan kepada pewakaf sekiranya hendak melaksanakan ibadah wakaf atau sedekah, hendaklah harta tersebut harta yang baik dan bernilai kerana Allah S.W.T suka akan mereka mereka yang membelanjakan harta yang di sayangi, agar ianya tidak menyebabkan kesukaran kepada pihak pentadbir wakaf yang akan menguruskan harta wakaf.



LAWATAN YB MENTERI KE JAWHAR 7 APRIL 2008

Menyertai Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Dr. Ahmad Zahid Hamidi hari ini telah membuat lawatan kerja ke Jabatan Wakaf Zakat dan Haji bertujuan untuk melihat dan memahami fungsi JAWHAR sebenarnya. Kunjungan YB Menteri telah disambut oleh Ketua Pengarah JAWHAR Y. Bhg. Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh dan warga JAWHAR.

Y. Bhg. Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh telah memberikan taklimat berkaitan Program-program utama JAWHAR seperti Program Pengukuhan Teras Organisasi, Program Pembangunan Tanah Wakaf (Projek RMK-9), Program Pengukuhan Institusi Zakat (LZA & DZM), Program Pemantapan Baitulmal, Program Pemantapan Hal Ehwal Haji, Penerbitan, Perkongsian Pintar Dengan Agensi / Pusat Kecemerlangan Glocal, Kerjasama Dengan Agensi-Agenzi Lain dan Perkarayaan Memerlukan Perhatian YB Menteri.

Selain itu juga perbincangan bersama menteri telah membincangkan perkara berkaitan penubuhan Lembaga Zakat Antarabangsa.

"Organisasi yang dianggotai pemimpin negara Islam itu akan menjadi tapak mengagihkan zakat untuk negara Islam yang miskin atau mengalami bencana atau komuniti Muslim yang berada dalam kategori fakir dan miskin," kata YB Menteri pada sidang media selepas sesi taklimat. Program Lawatan Kerja YB Menteri Diakhiri dengan sesi bergambar bersama warga kerja JAWHAR.



PERKAMPUNGAN HADHARI DI PULAU WAN MAN, KUALA TERENGGANU

1-9 FEBRUARI 2008

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) merupakan salah satu daripada 10 agensi Islam di bawah YB Dato' Dr Abdullah Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah menyertai Pameran Semarak Hadhari di Perkampungan Hadhari Peringkat Negeri Terengganu 2008. JAWHAR memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang telah ditugaskan sebagai penyelaras pameran bagi 10 agensi tersebut. JAWHAR telah diperuntukkan tapak pameran seluas 20 X 20 kps yang telah ditempatkan di dalam bangunan Pusat Komersial, Taman Tamadun Islam, Pulau Wan Man, Kuala Terengganu. Pameran berlangsung selama sembilan hari bermula daripada jam 10 pagi hingga 10 malam setiap hari. Seramai 1.2 juta pengunjung dianggarkan telah melawat Perkampungan Hadhari Peringkat Negeri Terengganu dan pengunjung yang memeriahkan booth JAWHAR dianggarkan berjumlah 20, 500 orang kali ini.



Aktiviti

KURSUS KUMPULAN MENINGKATKAN MUTU KERJA, 22-24 FEBRUARI 2008



LAWATAN KE PERKAMPUNGAN ORANG ASLI, 24-27 FEBRUARI 2008



JAWHAR INTELLECTUAL DISCOURSE, 6 MAC 2008



PERTANDINGAN BOWLING PUSPANITA, 7 MAC 2008



**RETREAT SKT DI RUMAH PERANGINAN PERSEKUTUAN TASIK KENYIR,
16-18 MAC 2008**



BENGKEL DOKUMENTASI MS ISO 9001 2000, 25-27 MAC 2008



FESTIVAL NASYID JPM, 3 APRIL 2008



**PERASMIAN AKTIVITI GOTONG-ROYONG DAN MAJLIS PERPISAHAN PELAJAR PRAKTIKAL,
4 APRIL 2008**






Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

SIJIL PENGHARGAAN

Kepada

*JABATAN ZAKAT, WAKAF
DAN URUSAN HAJI*

*Kerana Telah Melaksanakan
Majlis Bersama Jabatan (MBJ)
Tahun 2007 Dengan Jayanya*


Tan Sri Ismail Adam
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia*

Januari 2008